

24/06/1999

Majalah iktiraf KLIA terbaik bagi kategori penumpang perniagaan

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menerima pengiktirafan tertinggi dunia daripada Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) dan majalah mingguan penerbangan, Flight International.

Lapangan terbang itu, yang menyambut ulang tahun pertamanya Ahad ini, diiktiraf sebagai lapangan terbaik kategori penumpang perniagaan, bagi kapasiti antara 15 hingga 25 juta setahun.

Selain itu, pemajunya, KLIA Berhad, dipilih sebagai satu daripada tiga syarikat dunia, yang dicalonkan untuk Anugerah Industri Aeroangkasa 1999 oleh majalah Flight International.

Laporan Pengawasan Lapangan Terbang Global terbaru terbitan IATA, turut menyenaraikan KLIA sebagai antara 10 lapangan terbaik dunia dalam lima kategori utama, daripada 65 lapangan terbang di dunia.

Lima kategori itu ialah kemesraan kakitangan lapangan terbang (kelapan), retorak/kemudahan terbaik (keempat), kemudahan beli belah (keenam), balai menunggu penumpang terbaik (keempat) dan kemudahan penerbangan sambungan terbaik (keenam).

Sementara itu, Bernama melaporkan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa puas hatinya dengan prestasi KLIA tetapi menegaskan masih wujud beberapa kekurangan yang perlu diatasi segera.

Perdana Menteri berkata, KLIA mengalami masalah ketika ia memulakan operasinya, sama seperti dialami beberapa lapangan terbang lain yang baru dibuka, termasuk di Amerika Syarikat dan Eropah.

"Saya berpuas hati... seperti di kawasan lain, wujud masalah pada awalnya," katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan satu mesyuarat di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya, petang ini.

Mengikut laporan IATA itu, KLIA diletakkan dalam kategori lapangan terbang berkapasiti antara 15 hingga 25 juta penumpang setahun. KLIA kini mengendalikan kira-kira 14 juta penumpang setahun.

Laporan itu menyebut, walaupun KLIA menduduki tangga teratas bagi kepuasan keseluruhan penumpang perniagaan ia hanya menduduki tangga ke-11 bagi kepuasan keseluruhan penumpang biasa.

Lapangan terbang itu turut menduduki tangga ke-14 bagi kesesuaian penumpang keseluruhan (semua kategori) di belakang Lapangan Terbang Helsinki (Finland), Lapangan Terbang Changi, dan Lapangan Terbang Manchester di United Kingdom.

Bagaimanapun, laporan yang sama memuji KLIA kerana dipilih sebagai ketiga terbaik di dunia untuk kepuasan penumpang keseluruhan di kalangan penumpang perniagaan, walaupun baru setahun jagung.

2KLIA dirasmikan pada 27 Jun tahun lalu dan memulakan operasi komersil tiga hari selepas itu. Ia adalah antara lapangan terbang terbesar dan terancang di dunia, dan dibina pada kos R10.5 bilion.

Laporan IATA itu, yang dikeluarkan setiap tahun, menerima pandangan 77,000 penumpang mengenai 65 lapangan terbang di seluruh dunia mengikut 33 kategori utama.

Menurut laporan itu, yang diperolehi Berita Harian hari ini, perpindahan operasi penerbangan antarabangsa dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) Subang ke KLIA di Sepang, meningkatkan perkhidmatan penumpang secara drastik.

"Kecuali kategori pengangkutan ke/dari lapangan terbang ke bandar raya, KLIA meningkatkan semua aspek perkhidmatan berbanding yang disediakan di

LTSAAS Subang," katanya.

Menurutnya, kemerosotan tahap perkhidmatan pengangkutan itu adalah berikutan jarak KLIA yang lebih jauh berbanding LTSAAS serta tambang mahal ke bandar raya.

Bagaimanapun, katanya, tahap perkhidmatan pengangkutan dijangka pulih apabila sistem Hubungan Rel Ekspres (ERL) ke Kuala Lumpur siap menjelang 2002.

(END)